

SULIT
1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Mei 2010
2½ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN OTI 1 2010
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor yang mendorong kemasukan pekerja asing ke Malaysia dan masalah-masalah yang timbul. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kedatangan secara bertali arus para pendatang tanpa izin dan pekerja asing ke negara kita semakin tidak terkawal sehingga menimbulkan pelbagai masalah sosial yang serius. Kebanyakan daripada mereka masuk ke negara ini dengan menggunakan visa pelajar dan pelancong. Tidak kurang juga yang menyalahgunakan permit pekerjaan dengan melakukan pelbagai kegiatan yang tidak sihat. Ada pula yang masuk secara haram tanpa menggunakan dokumen yang sah sebagaimana yang sering dilakukan oleh warga asing Indonesia yang menjadikan kawasan perairan Malaysia yang terbentang luas sebagai 'lebuh raya' untuk menyeberang masuk ke negara ini.

Pengambilan pekerja asing dibenarkan untuk memenuhi dan mengatasi masalah guna tenaga manusia yang dihadapi oleh sektor perkilangan, perladangan, pembinaan serta perkhidmatan. Di samping itu, terdapat beberapa faktor lain yang mendorong para warga asing untuk datang ke negara ini. Antara faktor penarik itu ialah peluang pekerjaan yang diberikan upah yang tinggi dan pendapatan yang agak lumayan jika dibandingkan dengan negara asal mereka. Sektor pembinaan misalnya, menawarkan upah RM50 sehingga RM150 sehari bergantung kepada kemahiran yang dimiliki oleh para pekerja asing.

Kemakmuran ekonomi yang dikecapi oleh Malaysia sejak dua dekad belakangan ini telah membolehkan pelbagai projek pembangunan dilaksanakan. Untuk menyiapkan projek-projek berkenaan, negara memerlukan guna tenaga kerja yang banyak. Rakyat Malaysia nampaknya tidak begitu berminat untuk melakukan pekerjaan itu. Oleh hal yang demikian, negara terpaksa mengimport buruh asing bagi memenuhi keperluan di sektor-sektor tertentu yang mendesak. Kewujudan agensi-agensi pekerja asing yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan juga menjadi faktor pendorong kemasukan warga asing ke negara ini. Dasar kerajaan mengenai pekerja asing telah disalah tafsir oleh pekerja asing sebagai kebenaran kepada mereka untuk datang bekerja dan membuka perniagaan dengan sewenang-wenangnya tanpa tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada.

Peruntukan undang-undang mengenai pekerja asing adalah jelas, namun masih ada pihak atau majikan yang masih mengambil pekerja asing menerusi saluran yang tidak dibenarkan. Sempadan negara yang senang dibolosi juga dikatakan sebagai faktor banjir pekerja asing di negara kita ditambah pula dengan kurangnya penguatkuasaan undang-undang oleh pihak yang dipertanggungjawabkan. Hal ini turut dikaitkan juga dengan faktor penolak di negara asal mereka seperti faktor kemiskinan, kemelaratan, ketidakstabilan politik, dan faktor-faktor lain yang seumpamanya.

Dalam hal ini, kerajaan sepatutnya mengambil langkah yang lebih drastik bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing dengan mengurangkan pengimportan tenaga kerja dan menyediakan lebih banyak inisiatif serta galakan kepada rakyat Malaysia untuk menceburi sektor pekerjaan yang dikuasai oleh pekerja asing. Pada masa yang sama, rakyat negara ini perlu mengubah sikap mereka dengan tidak memilih kerja berdasarkan kolar dan status, sebaliknya merebut segala peluang yang disediakan tanpa memberi peluang kepada pekerja asing.

(Diubahsuaikan daripada *Pekerja Asing Timbulkan Masalah* oleh Ann Abdullah, Dewan Masyarakat, April 2003)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan rangkai kata *tumbuh bagi cendawan selepas hujan*?

[2 markah]

- (ii) Nyatakan cara-cara yang boleh diambil bagi mengatasi masalah kemasukan pekerja asing ke negara kita.

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah sikap memilih kerja dalam kalangan rakyat Malaysia dapat diubah?

[4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Daneng, Tuan Pengetua sekolah menjemputmu pulang. Walaupun sudah lebih 6 bulan kau tinggalkan bangku sekolah, pengetua masih sanggup menerimamu. Biasiswamu juga akan disambung semula.” Suara Jo mematikan kesenyapan yang menguasai mereka.

Jo meninggalkan rumah Daneng setelah makan malam. Daneng menemaninya menuju di rumah penghulu. Daneng tidak memberitahu keputusan yang membahagiakannya. Kehampaan mengisi benak Jo. Adakah negara akan kehilangan khidmat bakti seorang anak muda yang berkaliber pada masa hadapan?

Suria pagi bersinar megah membuka lembaran baru. Kemesraan suria perlahan-lahan mendakap kehalusan kabus pagi yang mula menghilang bagai malu akan kehadiran sang suria. Jo terasa begitu berat untuk meninggalkan kawasan lembah di sisi pergunungan yang mengasyikkan itu. Apatah lagi, misinya untuk meyakinkan Daneng gagal. Terasa mahu sahaja dia mengikat tubuh badan Daneng dan mengheretnya ke daerah satelit. Mengurungnya di asrama dan memaksanya belajar.

“Cikgu, cikgu!” terdengar suara nyaring Daneng antara bunyi enjin kereta yang baru dihidupkannya itu.

Kelihatan Daneng sedang menjinjing sebuah beg lusuh yang berwarna kelabu. Pandangan dua pasang mata dari dua dunia bertemu. Kehampaan yang menggari jiwa Jo lenyap.

(Dipetik daripada cerpen ‘Lumbaian Malar Hijau’, karya Saroja Theavy a/p Balakrishnan dalam antologi Anak laut, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, halaman 96)

- (i) Apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Cikgu Jo sekiranya beliau gagal untuk memujuk Daneng kembali ke sekolah? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah Daneng bersetuju untuk kembali semula ke sekolah? Berikan tiga alasan anda. [3 markah]
- (iii) Huraikan satu persoalan yang terkandung dalam petikan di atas dan dua persoalan lagi daripada keseluruhan cerpen tersebut. [3 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, pada suatu hari, datanglah anak kera itu hendak bermain-main dengan anak saudagar itu seperti adat sedia kala juga, maka segera ditangkap oleh saudagar dan dibunuh akan dia, diambilnya hatinya lalu diubatkan anaknya itu. Maka luka anak saudagar itu pun sembuhlah. Demikianlah ceritanya.

Maka kata bayan itu, “Demikianlah kejahatan orang yang tiada menurut kata ibu bapanya.”

Sungguhpun demikian kata ibu bapanya akan anak bayan itu bersahabat juga ia dengan anak cerpelai. Maka pada suatu hari datang seorang kanak-kanak kepada pohon kayu itu. Maka dilihatnya anak cerpelai lalu ditangkapnya anak cerpelai itu, dibawanya pulang ke rumahnya. Setelah dilihat oleh cerpelai anaknya diambil orang itu, maka ia pun menangis laki bini.

Kemudian, maka pergilah cerpelai laki bini mendapatkan serigala, seraya mengadukan, katanya, “Hai serigala, bahawa adalah hamba diam pada suatu lubang kayu, dan bayan pun ada bersarang di atas pohon kayu itu! Maka datang seorang budak ditangkapnyalah akan anak hamba dibawanya pulang. Sekarang ini kehendakku akan anak bayan itu pun, barang daya, upaya tuan hamba, *minta dilynepkan juga daripada mata ibu bapanya*. Berilah bicara akan daku oleh tuan hamba.”

(Dipetik daripada ‘*Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya*’ dalam antologi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, halaman 25-26)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *minta dilynepkan juga daripada mata ibu bapanya* yang terdapat dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Mengapakah saudagar tergamak membunuh anak kera sedangkan dia tahu bahawa anaknya berkawan baik dengan anak kera itu? [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, mengapakah anak-anak wajar menuruti nasihat ibu bapa? Berikan tiga alasan anda. [3 markah]

Soalan 2 (d) Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR KELEBIHAN ILMU

Ilmu itulah gemala sakti,
Sinarnya cerah cahaya sejati,
Asal puncanya lamun didapati,
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilai,
Sebuah dunia belinya bukan,
Kuasanya besar sukat digunakan,
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,
Teman berbeka suluh berjalan,
Masa berhimpun ia pengenalan,
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,
Ia penerang bagi yang kabur,
Ialah kandil di dalam kubur,
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,
Ia pemuas tekak yang dahaga,
Ialah sungai ialah telaga,
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,
Idaman orang yang bijaksana,
Hamparnya luas amat saujana,
Tepinya ajal sempadannya fana.

Za'ba

Antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud rangkap keenam syair di atas. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi jika seseorang itu tidak mementingkan ilmu dalam kehidupannya? [3 markah]
- (iii) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam syair di atas. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) krisis ekonomi
- (ii) tradisi bermuafakat
- (iii) duta kecil
- (iv) wilayah pembangunan
- (v) pojek perintis
- (vi) mengungguli pertandingan

[6 markah]

(b) *Tulis petikan di bawah ini dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dan maksudnya.*

“Taufiq, cepat bangun, kita mesti pergi sekolah, ada latihan kawad rumah sukan kita,” Farhan mengejutkan Taufiq yang sedang tidur. “Yalah aku lupa, cikgu kita mahu pasukan kita menang dalam pertandingan perbarisan itu nanti,” balas Taufiq. “Cepatlah siap, nanti kita kena denda,” kata Farhan kepada Taufiq. “Nasib baik kau datangkejutkan aku, aku terlupa betul,” kata Taufiq pula. “Macam mana kau nak ingat, asyik ingat nak tidur bila balik dari sekolah,” perli Farhan. “Yalah, tapi terima kasih, kaulah kawan baik aku,” akui Taufiq.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak kerajaan perlu mencari mekanisma yang sesuai untuk mengatasi masalah remaja yang peleseran di kota-kota besar.
- (ii) Satu pameran barang-barang antik telah berada di Dewan Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu hari ini.
- (iii) Beberapa orang pengadil bola sepak piala dunia di Afrika Selatan memberi tekanan tentang mutu pengadilan agar tidak menimbulkan kontraversi negara peserta.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Ibu bapa telah membelanjakan beribu ringgit untuk pendidikan kita, justeru wajarlah kita belajar dengan bersungguh-sungguh.
- (ii) Bangunan yang tertinggi sekali di Kuala Lumpur iaitu KLCC telah tidak kelihatan beberapa hari akibat ditutupi jerebu yang melanda negara.
- (iii) Mangsa gempa bumi di Haiti itu tidur beralaskan dengan papan-papan serpihan rumah mereka yang telah runtuh semasa kejadian teruk itu berlaku.

[6 markah]

(e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa atau cogan kata berikut. Ayat anda hendaklah dapat memberikan maksud peribahasa atau cogan kata berikut.*

- (i) belakang parang kalau diasah nescaya tajam
- (ii) sudah terhantuk baru tengadah
- (iii) tanam lalang tak akan tumbuh padi

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawapan mestilah berdasarkan satu daripada novel-novel berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- a) Pemahaman dan penghayatan terhadap sesebuah novel dapat dipaparkan secara keseluruhan oleh pembaca.

Tuliskan sinopsis novel yang anda kaji.

[7 markah]

- b) Latar masyarakat juga merupakan aspek penting dalam sesebuah novel. Huraikan latar masyarakat yang terdapat dalam dua buah novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

